

**B**ENAK sedaranya aktif. Diam tak diam, tahu ini merupakan tahun kesepuluh dia mengaliti kehidupan tanpa seorang wanita bergelar isteri. Hafizuddin atau Hafiz sedar, betapa dalam kepesatan teknologi digital yang menginspirasikan umat di seluruh jagat raya, dia tidak terkecuali.

Hafiz sedar, keceriaan sejati kini sudah tiada. Contoh yang pantas menanggapi dirinya susulan isterinya dipanggil menghadap Ilahi ialah pengalaman bergaubur.

Meskipun contoh ini remeh, namun mudah dilihat daripada sudut pandang massa terhadap peranti teknologi. Hafiz sedar, detik keceriaan itu mulai lenyap dan senyap.

Petang hari minggu, dalam cuaca yang berentetan antara hujan, redup dan panas itu, Hafiz seronok mengarang ceritera kehidupan. Dia tahu keseronokan ini bukan sesuatu yang lagih.

Memang dia berusaha meladeni nasib malang dirinya. Dengan persepsi itulah dia menyantuni dirinya, memindahkan segala kegusaran kepada hobi mengarang. Di situ, ada terapi

+ minda dan jiwa buat Hafiz.


'Aku terasa aku berhelah. Aku sebenarnya mahu menutup kekuranganku supaya tidak dilihat pincang kerana hidup bersendirian. Kalau boleh aku tidak mahu terkesan menempuh mehnah dalam melayari laut kehidupan,' hisik hati Hafiz.

Petang beransur-ansur menuju senja. Hafiz yakin benar bahawa tekadnya tidak salah. Dia sudah buat pengakuan tentang keselesaannya meneruskan hidup sebagai bapa tunggal. Perihal perasaannya hanya dia dan Allah yang Malah Tahu.

Dari satu sudut pandang yang lain, Hafiz dapat menelaah bahawa anak-anak amat mengerti persoalan yang membelit. Hafiz maklum, jarak komunikasi yang sedikit melebar dalam keluarga. hanyalah persoalan fitrah. Anak-anak kini mencari rezeki di negeri lain. Tiga puterinya kini tidak tinggal bersamanya lagi.

Mereka sudah membawa baluan masing-masing. Kesannya, Hafiz meneruskan hidup sendirian. Rini dan suaminya, Azim di utara. Rina dan suaminya Fazril pulu di Sarawak. Ria si bongsu kini menjalani latihan amali di negara jiran.

'Tak pernahkah lalu pengalaman hidup tanpa seorang isteri?' Itulah soalan tepu emas yang kerap berbisik di singgahsana hati.



A37499/25

## Wacana duka

Hafiz memang rajin melayan bicara hatinya. Dia sedar bahawa dia sendiri yang rela dan reda anak-anak pergi jauh, mengasingkan diri daripada suasana kerluhan seputar kehidupannya.

'Tak sunyikah, Hafiz? Sepuluh tahun, masya-Allah lamanya!'

'Tak kuasa aku nak jawab. Soalanmu itu sudah terkandung jawapan!'

Hafiz yang herstatus duda itu bagaikan mengarang autobiografi, melayan kedukaan hatinya. Dalam pada itu, Hafiz seronok benar menggelintar gelagat manusia yang disensasikan peranti komunikasi asbab terbubarnya ikatan hidup yang sudah terjalini! Takdir!

Hafiz seperti pengguna peranti lainnya bukan tidak tahu. Sebagai pendamping peranti komunikasi, Hafiz sedar bahawa akhir-akhir ini tersebar cerita tentang kerapuhan rumah tangga pelbagai lapisan masyarakat.

Corat-coret perkhabaran duka sentiasa sahaja memenuhi skrin peranti diiringi gambar-gambar. Kesemua itu menyentuh naturi, tidak terkecuali Hafiz.

Dalam kesinambungan minggu, bulan dan tahun, Hafiz setia mengingati peristiwa pada awal perkahwinaninya. Ah, manisnya kenangan itu! Beribu malah berjuta manusia

mempunyai perasaan sedemikian tentang perkahwinan. Setiap orang tentu mudah melafazkan atau mengimbau kenangan itu dalam kearifan bahasa masing-masing.

Suasana seputar kian kelam, tanda berlahuhnya malam. Monolog yang bersarang terus mengusik hati Hafiz, bagaikan siri refleksi kendiri yang melayan resah gelisah hidup ketika petang kian lanjut meninggalkan tabir siang untuk menuasuki daerah malam yang dapat disaksikan dengan amat indah di pantai tenang laut sepi yang bertuluk.

'Takkan sudah serik hidup beristeri! Bukan berbilang isteri pun, hanya itu lah seorang yang mampu dimiliki. Itupun belum pasti mencapai tahap kesempurnaan seperti yang lazim dikalimatkan dalam buku psikologi rumah tangga.'

Penulis buku tentu sekali mengutarakan pantang-larang sebagai asas membina istana kebahagiaan!

'Rasanya tidak mungkin ada kehidupan fasa kedua. Sudah masuk usia emas, mana ada harapan!' Hafiz yakin rumusutunya itu itu, tidak ada cacaat celanya lagi.

'Eh, jangan putus asa, Fiz!'

'Siapa pula yang putus asa? Aku sebenarnya sudah bersedia menukar busana kesepian ini. Kedua-dua itu sudah lama bertunas. Memunggu tunas menjadi

pucuk dan daun kenyataan terasa amat meletihkan.'

'Kau perlu tahu, kawan, nalariku bercambah lagi. Nurutiku subur lagi. Biarpun anak-anak berada di kejauhan, hatiku tetap berkecimpung untuk singgah di syurga hati seorang wanita untuk kesekian kali!'

'Aku bukan putus asa, sebaliknya aku tak kuasa. Aku tak kuasa merasai sengsara hati, dengan hidup asyik menuimbang rasa. Setulusnya, dari satu sisi pandang, aku kini berasa selesa, hebat berbuat apa-apa sahaja yang ku kira baik, tidak menyusahkan orang. Aku bebas ke mana-mana. Yang paling penting aku bebas tueraikan hobi memandakan diri, dengan membaca dan berkarya, seadanya.'

'Wah, bicaramu ada aura kesombongan diri!'

'Tidak, tidak! Jangan sebut kalimat itu. Aku bukan sompong, hanya berhelah, melindungi diri. Kau kena faham, diriku sebenarnya sarat dengan kekuatan seorang lelaki yang daif.'

'Mungkin aku bukan seorang suami yang tabah, juga bukan lelaki yang penyabar, bahkan fizikal dan psikologi aku mungkin kelelahan mendepani kerendahan pendamping, mungkin perlu kepada psikoterapi!'

'Bunyi macam nada putus harapan sahaja, Fiz!'

'Mana ada putus harapan,

kawan? Aku tetap ada kemahuan. Cuma aku sering kali kalah kepada keadaan persekitaran!'

'Maksud kau, persekitaran yang macam mana?'

'Bagiaku, naratif segelintir orang yang bernikah, kewuduan berpisah itu amat mendebaran. Mestikah begitu tulik notkahnya sebuah perkahwinan?'

'Alahai, itu keadaan biasa! Lumrah! Agama kita sendiri sudah membenarkan. Kalau tiada persefahaman, jalan yang terbaik ialah mencari haluan sendiri. Bukan begitu?'

Hafiz mengulangi pendiriannya. Berkali-kali dia membuat penegasan kendiri betapa dia tidak mahu kecewa menempuh jalan yang berliku, denai yang berbukit dan mungkin ada jerlus atau lubang benam di beberapa laluan. Orang kata, fenomena itu lumrah.

'Aku tidak putus harapan! Dunia perkahwinan yang indah gemilang bagaiakan peralihan yang tidak bocor, teguh teroleng-oleng di gigi air yang tenang. Situasi itu tidak sukar untuk dibayangkan muda.'

Bahkan, kalau ku tulis sketsa kehidupan insan dengan tema haghia, mudah sahaja plot sketsa itu ku garap, insya-Allah!'

'Ah, sekadar mencorekan bayangan minda, apalah artinya? Tambahan pula persepsi keindahan dalam

melayari bahagia rumah tangga, lazimnya tidak sukar digambarkan. Olah sahaja kisah yang muluk-muluk!

Titisan hujan awal pagi masih kedengaran dari kamar. Suasana kamar memang dingin asbab putaran kipas selain secara alaminya cuaca penghujung tahun memang kerap dilimpahi hujan.

Hafiz lantas menutup pendingin udara sewaktu bangun untuk bertahajud.

Kedinginan suasana mendorong Hafiz mengimbau tautan bicara silam sewaktu melayari hidup dengan insan yang terpenting.

"Bang, kalau saya tiada, sang kahwin lagilah," saran Riah, sang isteri.

Hafiz diam, seperti mencari kalam yang sesuai untuk membalas saran sang isteri.

"Awak ini, tak payah cakap begitulah. Awak sakit, jangan layan cmosi yang membawa jangkaan terlalu jauh!"

"Bukan apa, nanti makan minum abang siapa nak jaga?" ujar Riah lagi.

Hafiz diam, herfikir agaknya, kemudian melanjutkan kata-kata, "Pandailah saya mengurus diri. Awak jangan risau!"

"Saya minta ampun, halalkan semuanya, ya bang. Sakit yang saya tanggung ini rasanya semakin berat, semakin tenat." Riah mengalihkan pandangan ke arah lain.

"Sudah, bertenanglah. Berchat dan berdua. Saya tetap ada di sini."

Mariah menemui kesukaran yang tidak terlakarkan lagi dengan kata-kata. Kadangkala dia menjalani rawatan di rumah. Ada ketikanya, berlaku keadaan yang rumit dalam proses perawatan sehingga dia perlu diantar ke hospital lalu direhatkan di unit rawatan.

Hafiz cuggan mengimbus detik-detik kunjungan yang terakhiri di hospital besar. Masih dapat dibayangkan bicara santun seorang pegawai perubatan yang memerihalkan situasi kesukaran sang isteri sewaktu pasukan perawat sudah sampai ke tahap ikhtiar yang sehabis daya mengikut prosedur biasa dalam upaya membantu sang pesakit.

"Saya faham, doktor. Jika segala usaha yang terwujud sudah dilakukan, hanya Allah tempat kita berserai!" antara lain luahan hati Hafiz kepada doktor.

Masa beredar terus, mengikut ketetapan Sang Pencipta. Hari ini sudah 10 tahun peristiwa kehilangan itu terukir kemas di dalam peti memori Hafiz.

**“Bagi aku, naratif segelintir orang yang bernikah, kemudian berpisah itu amat mendebaran. Mestikah begitu titik noktahnya sebuah perkahwinan?”**

Fitnah perubahan masa meletakkan Hafiz dalam situasi jumud terhadap kerja, meskipun dia kini bertaraf pesara, mantan kakitangan awam.

"Tiada orang yang sanggup pimpin NGO kita ini, Encik Hafizuddin. Pengalaman encik di jabatan kerajaan berguna benar kepada NGO kita. Encik tahu selok-belok pengurusan, tentu rugi jika tak dimanfaatkan," Harun memujuk Hafiz sewaktu dia mula memakai topi pesara dahulu.

"Bantu sekadar yang mampu bolehlah, tapi saya menolak jika dipilih memegang jawatan utama. Saya ini selamo-lamanya orang bawahan!" balas Hafiz, mereunduh diri benar.

"Takkan bekerja lebih 30 tahun judi orang bawah saja, Encik Hafizuddin!"

Hafiz tersenyum mendengar kata-kata Harun. Jawatankuasa Kelab Petinjal Lagu Rakyat itu ditugaskan memujuk Hafiz agar sanggup memimpin kelab. Katanya lagi, "Minggu depan, dalam mesyuarat agung nanti kami nak cadangkan nama encik sebagai Yang Dipertua."

"Tinggi benar tu, Encik Harun. Jadi ahli biasa pun saya dapat membantu juga."

Kesudahannya, dalam tempoh sedekad persaraan, bukan satu kelah serta persatu yang disertai Hafiz, tetapi ada empat kesemuanya. Masya-Allah, mungkin itu hikmah untuknya atau kesempatan yang digunakan oleh sesetengah orang untuk manfaatkan keterampilan Hafiz dalam kerja-kerja pengurusan pejabat, termasuk soal surat-menyerat dan komunikasi antara jabatan.

"Apa nak jadi aku ini? Aku ini pak sajung atau memang suka berbakti?" Hafiz tersenyum memikirkan retorik pertanyaan yang berlebar dalam fikirannya. Soalan yang menggetarkan naluri manusia itu tidak mampu dijawabnya, hanya terawang-swang.

Dengan kerja yang diamanahkan oleh alumni, Hafiz secara rutin meladeni masanya sebaik mungkin. Dalam persatuan ibu bapa dan guru juga, khidmat kepimpinannya dihargai.

Malahan, hobinya berkarya termasuk menawarkan diri sebagai penyunting akhirnya meletakkan dia dalam situasi menyumbang juga kepada sebuah persatuan yang dianggotai oleh sekumpulan editor di pelbagai rumah penerbitan.

"Subhanallah, niatku hanya mahu menjadi ahli biasa, bukti betapa darah perjuanganku terhadap bahasa kebangsaan sentiasa segar mengalii di dalam urat nadi dan pembuluh jantung jiwa bahasaku" monolog Hafiz, menyerlahkan kualiti mindanya.

Bagi Hafiz, bermonolog antara cara membugarkan benak sedarnya. Awal pagi dia mengarang, menulis sesuatu mengikut kesempatan. Jika ilham mencanak datangnya, karya kreatiflah yang diupayakannya.

Jika rutin berbaur keletihan asbab pemuduan jauh atau beban fikir yang suam-suam guadalt, Hafiz memilih kerja yang santai, misalnya mengecas kini biodata penulis yang menyertai projek kompilasi karya selenggaranya. Negatulah, aturan luwes pengisian masa ciptaanmu.

"Ayah, hujung minggu ini ayah lapang?" muncul pertanyaan dalam kumpulan sembah keluarga kecil Hafiz.

"Lapang, lapang. Ada apa, Rini?"

"Bukan apa, Rini dan Azim ada tugas dengan firma Azim di Johor Bahru. Balik nanti kami nak singgah Seremban, ajak ayah makan di Senawang. Kedai kesukaan ayah tu."

"Ingatkan nak kenalkan ayah kepada seseorang!" Hafiz sempat hercanda.

"Ayah tu, kalau diperkenalkan pun, ayah cerewel!" balas Rini.

Situasi bersempang menerusi peranti itu cerita seketika. Riang hati Hafiz menerima khabar daripada anak keduanya. Sudah lama cucu tunggal, anak Rini-Azim, tidak bermain di depan matanya sejak mereka menetap di Ipoh. Tiba-tiba Hafiz tersenyum memandang jendela yang terselak langsungnya.

Hidup dengan wacana duka bagai menyangutunci keinsafan. Sesekali terpacu jua keinginan fikrah dan fitrah manusia; akhirnya lenyap dibawa angin malam yang nyaman.

## Sajak

### DIARI AWAL JANUARI A37560/25

Katamu, cabarannya lebih getir meskipun dieri masih kosong tanpa tulisan apa-apa.

Diari yang kau beri aku ingin menulisnya seindah kata-kata setantik ayat bijaksana. Biar apa yang dicitakan terlaksana.

Sihatkan seluruh badan. Pesanku, bereskan segala hutang piutang. Ingin akan jalan pulang.

Terkadang setiap tahun

mendarang kita masih juga tidur lela dan terlelung lupa kian ramainya pendatang.

Diari tahun lalu masih kosong lulus terbiar tanpa tulisan tanpa catatan apa-apa.

Berikan aku azam iltizam menjaga sihat din, akal sentosa cekal jiwa tenang damai dan tenteram.

**AMI MASRA**

### GELANDANGAN (I) A37501/25

Izinikan aku untuk cemburu pada kau yang saban petang ada rumah untuk dituju menjelang malam punya ranjang untuk beradu.

Sedangkan aku saban petang sering keliru, tak tahu ke mana arahku

merjelang malam masih tercaricari tempat untuk kuamparkan tilarmiku agar sejenak dapat kulupa hakikat hidup yang pahit di dalam mimpi indahku.

**SITIROZILAH,**  
Jasin, Melaka,

### DERAP TELAPAK KUDA A37502/25

Dahulu di situ Derap berdentum penuh padu Riuh bergera sorak manusia Selangor Turf namanya Bayangnya masih lagi bernyawa.

Kini di situ Megah berdiri mercu negara Menara Berkembar KLCC Menjadi puncak tinggi dunia Mencakar awan di puncak angkasa Tumpuan pelancong serata dunia.

Namun di dasar lipatan masa Derap telapak kuda masih didengari Taiyah itu menyimpan segala cerita Biar cahaya kaca menyilau langit Dan silok kota tiada henti Ada kisah lama berbisik sepi.

**MUDIN HAIQAL**  
Ulti Shah Alam

